

12/06/1997

Kempen negara taman diperhebat

Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR, Rabu - Kempen menjadikan Malaysia sebuah `negara taman' menjelang tahun 2005 semakin hebat dilaksanakan dan ia ternyata mendapat sambutan daripada semua peringkat rakyat negara ini.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Ting Chew Peh, berkata awalnya beliau bimbang sekiranya kempen berkenaan sekadar menerima sambutan remeh daripada rakyat Malaysia.

"Tetapi selepas tiga bulan kempen ini dilancarkan, saya nampak sambutan yang diberi sungguh menggalakkan dan ia bukan sekadar membabitkan pihak berkuasa tempatan, bahkan sektor swasta, peringkat daerah, kampung dan orang perseorangan.

"Saya juga melihat orang ramai kini semakin ghairah menghijaukan kawasan persekitaran mereka. Pihak swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) juga turut melaksanakan kempen ini dengan cara begitu menggalakkan," katanya dalam sidang akhbar selepas mesyuarat mingguan Kabinet, di pejabatnya hari ini.

Matlamat untuk menjadikan Malaysia sebuah Negara Taman menjelang 2005 dilancarkan dengan rasmi oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Mac lalu.

Isu `penghijauan' bermula dengan masalah penipisan ozon kerana pelepasan kloroflorokarbon (CFC) dan bromida, yang dikatakan antara punca kepada peningkatan suhu dunia yang dikhuatiri menyebabkan perubahan ekologi, cuaca dan pencairan salji.

Perkara ini menjadi agenda utama di Persidangan Antarabangsa Mengenai Alam Sekitar di Rio de Janeiro, Brazil, pada 1992 dan seluruh negara sebulat suara bersetuju mengambil bahagian dalam penghijauan bumi melalui penanaman dan pemuliharaan pokok.

Dr Mahathir merealisasikan komitmen Malaysia di Rio de Janeiro sejak Mac lalu, apabila meletakkan sasaran untuk menjadikan Malaysia sebuah Negara Taman menjelang 2005.

Menjawab soalan lain, Ting berkata kempen pembersihan longkang dan parit masih menghadapi masalah, terutama dari kalangan peniaga makanan di kebanyakan gerai kecil.

Menurutnya, pihaknya sedang mengkaji memberi satu kursus pendidikan awam kepada orang ramai mengenai betapa perlunya longkang dan parit di negara ini berada dalam keadaan baik sepanjang masa.

"Kempen ini masih berjalan, tetapi kita dapati parit dan longkang masih tersumbat. Orang ramai perlu disedarkan mengenai perkara ini kerana sudah begitu banyak peruntukan dikeluarkan, hanya untuk membersihkan parit dan longkang," katanya.

(END)